

31 MAY 2000

Aziz-Bersara

HUBUNGAN AZIZ DENGAN DR MAHATHIR SEMATA-MATA PROFESIONAL

PUTRAJAYA, 31 Mei (Bernama) -- Seseorang yang bekerja begitu lama dengan majikan lazimnya mewujudkan hubungan rapat seperti kawan tetapi bagi Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Aziz Ismail menganggap hubungan beliau dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah "profesional" setiap masa.

Abdul Aziz yang akan bersara mulai esok berkata beliau lebih selesa berkelakuan pegawai setiap saat bertugas dengan Dr Mahathir kerana cara itu membolehkan beliau tahu tanggungjawabnya.

Abdul Aziz berkata beliau tidak suka bergurau dengan Dr Mahathir kerana menganggap Perdana Menteri adalah majikan yang amat hormati.

Beliau berkhidmat dengan kerajaan selama 33 tahun dan bekerja dengan Dr Mahathir sejak 1981 bagi jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Sulit sebelum dinaikkan pangkat kepada Ketua Setiausaha Sulit pada 1983.

Jawatan Abdul Aziz akan diambil alih oleh Datuk Badariah Arshad.

Dalam tempoh 19 tahun bekerja di bawah Dr Mahathir, Abdul Aziz mempunyai banyak kenangan yang akan dibawa bersama terutama mengenai Perdana Menteri.

"Datuk Seri Dr Mahathir adalah pemimpin yang berani berhadapan dengan cabaran dan bersemuka dengan penentangannya bagi menyakinkan mereka kepada dasar kerajaan dan itu adalah sumbangan terpenting beliau kepada negara," katanya kepada pemberita di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Keberanian dan ketegasan Dr Mahathir telah menyebabkan negara-negara Barat segan pada Malaysia, katanya.

Abdul Aziz berkata, terdapat banyak bukti dan contoh yang menunjukkan mereka yang lantang mengkritik Perdana Menteri kemudian menyetujui pandangan beliau.

"Mereka (negara-negara Barat) cukup segan (dengan Perdana Menteri) kerana mereka berhadapan dengan seorang yang cukup berani, berani kerana kebenarannya dan keyakinannya serta pandangan beliau yang sentiasa konsisten mengenai sesuatu perkara, katanya.

Ditanya mengenai sifat Dr Mahathir yang membezakannya dari pemimpin negara-negara lain, Abdul Aziz berkata, Perdana Menteri mempunyai semangat bekerja yang amat jitu dan kuat dan sifat yang penting sekali ialah "will power to work". Dr Mahathir bekerja sampai habis dan sampai matlamat.

"Datuk Seri Dr Mahathir adalah seorang yang kreatif atau "Man of Ideas" di dalam cara-cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah dengan cara yang paling praktikal dan ini termasuk kegawatan ekonomi yang melanda negara pada pertengahan 1997 yang merupakan cabaran yang paling menekan Perdana Menteri, katanya.

Dalam politik, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mempunyai tugas rumit untuk memastikan perjuangan parti tidak menyimpang daripada landasannya dan ahli-ahli sentiasa menumpukan usaha untuk berbakti padanya dan bukan hanya untuk mendapatkan jawatan.

"Saya rasa Perdana Menteri sangat komited untuk membawa perjalanan Umno seperti dahulu iaitu "Umno for Umno and not individuals," kata Aziz sambil menambah Dr Mahathir juga berusaha keras untuk mengelakkan Umno dari berpecah.

Mengenai rancangannya selepas ini, Abdul Aziz berkata, beliau tidak mempunyai sebarang rancangan khusus tetapi akan lebih menumpukan perhatian kepada keluarga dan anak-anaknya.

Ditanya apakah beliau akan menceburi bidang politik, beliau berkata: "Tiada niat, kerana saya rasa bukan orang politik yang boleh jalankan tugasnya. Saya tidak boleh sesuaikan diri."

Tetapi menurutnya, di dalam politik segala-gala boleh berlaku dan seseorang yang tidak mempunyai niat sebelum itu boleh menjadi ahli politik

secara tiba-tiba.
-- BERNAMA
MHI FAZ